

Islam dan Falsafah

Oleh Ain Wahab Jalal

Sungguhpun dalam sejarah perkembangan falsafah

Islam dari semenjak zaman al-Kindi (872 M), membawa ke zaman Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh di abad kedua puluh ini, terdapat beberapa pertentangan faham, pro dan kontra umpamanya di antara Imam al-Ghāzali (1111 – 1058 M) dengan Ibn Rushd (1198-1126 M) sehingga kitab Imam al-Ghāzali “*Tuhāfut al-Falāsifah*” kemudian dibantu oleh Ibn Rushd dengan sebuah kitabnya pula yang bernama “*Tuhāfut Tuhāfut al-Falāsifah*” namun pada hakikatnya bila diselidiki dengan saksama nyatalah bahawa bukan “falsafah” itu yang menjadi perbantahan tetapi cara berfalsafah itu mengeluarkan idea untuk berfalsafah, itulah yang menjadi perbincangan dan pertikaian. terutama dalam falsafah ketuhanan itu (*al-falsafah al-uluhiyyah*)

Memang sudah terkenal di kalangan ahli pengetahuan bahawa perkataan falsafah itu adalah diambil dari bahasa Yunani (Greek) tersusun dari dua perkataan iaitu “*filu*” yang bererti suka atau cinta dan “*sufiah*” yang bererti hikmah, bila digabungkan dua perkataan ini maka lahirlah kalimah “*falsafah*” yang memberi erti cinta kepada hikmah (ilmu).

Walaupun perkataan falsafah itu bererti cinta kepada hikmah, namun dikalangan filsuf sendiri masing-masing memberikan pula tafsiran atau definisi mengikut pendapat-pendapat mereka diantaranya:

Filsuf Yunani Plato (348-427 sebelum Masihi) berkata: “Falsafah adalah ilmu pengetahuan yang bermaksud mencapai kebenaran yang hakiki.

Filsuf Islam Abu Nasr al-Farābi (950

870 M) berpendapat: “Bahawa falsafah adalah suatu ilmu yang membicarakan tentang alam wujud bagaimana hakikatnya yang sebenarnya”.

Emanuel Kant filsuf Jerman (1804-1724) berkata: “Falsafah adalah ilmu pengetahuan yang merupakan ibu segala pengetahuan yang terhimpun didalamnya empat persoalan iaitu, metafizika, akhlak, agama, dan manusia”.

Berbagai ragamlah pendapat filsuf mengenai takrif falsafah. Jikalau dikumpulkan seluruh pendapat mereka bolehlah disimpulkan sekiranya, yang diberikan oleh Dr Hasbullah Bakri dalam kitabnya

“*Sistematik Falsafah*” iaitu ilmu falsafah ialah ilmu yang menyelidiki segala sesuatu dengan mendalam mengenai ketuhanan, alam semesta, dan manusia sehingga dapat dicapai akal manusia dan bagaimana sikap manusia setelah mencapai pengetahuan itu.”

Ada pun yang menjadi objek kajian filsuf, menurut pembahagian ringkasnya hanya terlingkung dalam lima medan sahaja iaitu:

1. Logik (*mutlāq*): alam fikiran yang membicarakan bagaimana mahu mencari kebenaran.
2. Estetika atau dalam peribahasa Arab disebut *al-falsafah al-jumāliyyah*: soal yang membicarakan tentang keindahan.

3. Etika (*akhlāk*): Medan falsafah yang mengkaji tentang budi pekerti dan perangai manusia.

4. Politik (*siāsah*): Medan yang menghuraikan berkenaan soal negara dan masyarakat.

5. Metafizika atau dalam Bahasa Arab “*Mā warā’ al-Thobi’iyah*”: Kajian falsafah tentang soal-soal yang terletak di luar ‘alam nyata seumpama soal ketuhanan, roh dan lain-lain.

Setelah merenungi sudut-sudut pembicaraan falsafah, jelaslah kepada kita bahawa yang dibicarakan oleh filsuf pada umumnya ialah soal kehidupan, kehidupan sebelum mati dan kehidupan sesudah mati. Petanyaan-pertanyaan yang berbentuk “apakah dia sebenarnya”, “dari mana asalnya” dan “hendak ke mana perginya” adalah soalan-soalan yang sentiasa menjadi buah penyelidikan filsuf-filsuf. Jawapan-jawapan pertanyaan tersebut tidak mungkin selesai dan tak pernah akan selesai selama otak dan fikiran mereka masih berjalan.

Hasil kajian dan penyelidikan mereka itu kemudian lahirlah beberapa fahaman atau mazhab dalam falsafah yang selepasnya diberikan berbagai-bagai nama sama ada mengikut agama, bangsa, tempat, nama atau bentuk fikiran mereka. Contohnya: Stuartism neo-plutonisme, spiritualisme, Islamisme, Kristianisme dan berpuluh-puluh lagi.

Sebagaimana yang ditegaskan bahawa di dalam Islam falsafah itu tidaklah ditentang hanya cara berfalsafah itulah yang harus diteliti benar, supaya tidak tergelincir dari garisan-garisan keimanan.

Sebab Islam sebagai agama fitrah, agama yang meliputi hajatnya untuk seluruh peradaban manusia lahir batin, dunia dan akhirat, sekali-sekali tidaklah melarang manusia dari menggunakan fikirannya. Jika seseorang ¹

itu berfalsafah ertinya ia mesti berfikir. Berfikirlah ia sebeb-bebasnya tetapi haruslah mempunyai batasan, sebab berfikir adalah antara alat-alat di dalam hidup ini untuk mencari kebenaran dan menyelesaikan kesulitan bahkan dengan fikiranlah manusia akan dapat mengenal “*khāliq*” iaitu Maha Pencipta alam ini.

Jika seseorang itu berfikiran dan berfalsafah, sehingga fikiran dan falsafahnya menerbitkan jawapan bahawa tidak ada Tuhan, tidak ada Maha Pencipta di alam ini, sebagai dihasilkan oleh Karl Marx, Lenin, dan kawan-kawannya, maka itu bukanlah salah falsafah, tetapi adalah kesalahan fikiran mereka sendiri yang tidak tahu berfalsafah, yang falsafah mereka hanya semata-mata bersepah.

Mengikuti tulisan-tulisan ahli-ahli pengetahuan Islam bahawa umat banyak ayat-ayat al-Qur’ān yang menganjurkan supaya manusia menggunakan akal bagi merenungi alam (berfalsafah). Di antara ayat-ayat yang termasyhur dijadikan alasan ialah ayat:

*“Inna fī khalqi al-samāwāti wal ‘arḍi wakhtilāfi al-layli wannahāri la’āyātīn liūli al-bābi al-ladhīna yadhkurūna Allāha qiyāmān wa qu’ūdān wa ‘alā junūbihim wa yatafakkarūna fī khalqis samāwāti wa al-arḍi rabbanā mā khalaqta hādḥā bāṭilān subḥānaka faqinā ‘adhāban-nāri”.*¹

Ertinya: Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, pada perbezaan siang dan malam itu menjadi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang yang berakal, iaitu orang yang mengingati Allah semasa berdirinya, duduknya dan berbaringnya, serta memikirkan bagaimana kejadian langit dan bumi, sambil berkata: Ya Tuhan kami! Tidaklah engkau jadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci engkau dan peliharalah kami dari seksa neraka.

Ayat: “*Qul hal yastawī al-ladhīna ya’lamūna wal-ladhīna*

¹ ‘Āli ‘Imrān: 190-191

lā ya ‘lamūna innamā yatadhakkaru ūlū al-bābi” (Surah al-Zumar

ayat 9).

Ertinya: Katakanlah! Adakah sama orang yang mengetahui

dengan orang yang tidak mengetahui (berilmu pengetahuan?)

(jawabnya tentu tidak), hanya orang yang menerima pengajaran

sahajalah, orang yang berakal.

Ayat “*Ud’u ilā sabīli rabbika bil-ḥikmati wal-maw’izati*

al-ḥasanati wa jādilhum bil-latī hiya aḥsan” (Surah al-Nahl

ayat 25)²

Ertinya: Ajaklah mereka ke jalan Allah dengan secara

hikmah (falsafah) dan dengan petunjuk-petunjuk yang baik, dan

bantahlah alasan-alasan mereka dengan jalan yang sebaik-baik pula”

Pun di dalam al-Qur’ān banyak terdapat ayat-ayat yang

diakhiri dengan:

“*la ‘allakum ta ‘qilūn*” ertinya: Moga-moga kamu akan

menggunakan ‘akal.

“*afalā tatafaqqarūn*” ertinya: Tidakkah kamu berfikir

“*Lī ūli al-albāb*” ertinya: Bagi orang-orang yang

berakal.

“*Afalā ta ‘qilūn*” ertinya: Tidakkah kamu berakal.

Sama ada ayat itu berisi pengharapan, atau

berbentuk pertanyaan, atau bercorak penegasan dan

penentuan, namun semuanya sepakat menyuruh umat manusia

supaya bersedia menggunakan akal untuk mencari

kebahagiaan di alam ini dan tuhan menganugerahkan akal kepada

manusia adalah untuk berfikir, berbincang dan berfalsafah.

Betapa tingginya harga akal dalam kehidupan manusia

Dapatlah diukur dari hadith *al-Rasul ṣallā Allāhu ‘alayhi*

wa sallam “*La dīn li man ‘aqlahu*”, tidak beragama

Orang Melayu Singapura terdesak hidup-nya!

Puncha-nya?: - Bacha buku:

PERISTEWA – PERISTEWA SIASAH DI-TANAH MELAYU

OLEH: EDRUS

Harga-nya \$3.00 – Pos 15 Sen

Qalam

256/8, GEYLANG ROAD,

SINGAPURA – 14.

² Sebenarnya ayat 125

sesiapa yang tidak mempunyai ‘akal.

Manusia di sebut “*Homo Sapien*” dalam bahasa Latin, iaitu makhluk yang berakal dengan sendirinya menunjukkan bahawa selagi mereka masih mempunyai akal yang normal, mereka digesa supaya mencurahkan hasil usaha akal mereka ke arah tujuan yang suci di dalam kehidupan di alam ini.

Dan dari dalil ayat al-Qur’ān di atas nyatalah bahawa Islam tidak menentang falsafah.

Di dalam bahagian Islam kajian mengenai falsafah terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Falsafah di bidang Shari’ah (*al-falsāfah fī majāl al-shari’at*) kedua: Falsafah di bidang ‘aqliyāt (*al-falsāfah fī ajāl al-‘aqliyāt*).

Ada pun yang dimaksudkan falsafah Islam mengenai shari’ah ialah pembicaraan soal yang bersangkutan dengan ilmu shari’ah yang sudah terkenal di kalangan umat Islam, iaitu tiga jenis ‘ilmu: ‘Ilmu tauhid (‘ilmu al-kalām), ‘ilmu *usūl al-fiqh* dan ‘ilmu tasawuf:

Ilmu tawhid ialah ilmu yang menghuraikan i’tiqad keimanan Muslim dalam soal ketuhanan, kerasulan, dan urusan perkara ghaib termasuklah malaikat, syurga, neraka, qada’ dan qadar.

Ilmu *usūl al-fiqh* ialah mengenai urusan lahir ibadat, mu’āmalat, munākaḥat, dan jināyāt. ‘Ilmu menentukan hukum sesuatu sama ada halal, haram, beberapa qā’idah yang tertentu.

Ilmu tasawuf ialah ilmu yang membicarakan soal kepuasan jiwa, hati dan perasaan terhadap Allah dengan berpandukan kepada beberapa qā’idah sama ada dengan riyāḍah (memerah otak), ūzlah (bersemadi) seumpamanya.

Walaupun di dalam ketika, ilmu ini, dikatakan terdapat unsur-unsur pengaruh Greek, Parsi atau kemasukan anasir-anasir luar Islam baik pada teori atau praktiknya, namun ianya tetaplah merupakan ilmu shari’ah Islam yang sejati. Lahir dan berkembang di dalam agama Islam sendiri.

Dan falsafah Islam mengenai akal pula ialah segala soal yang bersangkutan paut semata-mata mengenai kajian akal seumpama kajian mengenai roh, akal, perhubungan Allah dengan makhluk, pertalian manusia dengan Allah. Kajian tentang alam maujud, tentang kebahagiaan, kejahatan, dan kebaikan.

Di dalam kedua-dua medan falsafah ini, Islam telah melahirkan berpuluh-puluh bintang yang mengerdip di langit ilmu, beserta hasil karya mereka yang tidak tertinggi harganya, sehingga hasil usaha mereka itu dikaji dan dipelajari semula oleh sarjana, Islam dan filsuf-filsuf barat sejak zaman berzaman, dicurahkan untuk kemanusiaan seluruhnya.

Terkenallah dilapangan ilmu tawhid (ilmu al Kalam) nama-nama seumpama: Ma’bad al-Juhanī dalam faham Qadariah” Jahm bin Şafwan dalam faham Jabariah, Wāsīl ibn Aṭā’ dalam faham Mu’tazilah dan Abu Hasan al-Asha’ari dalam faham al-Sunnah wa al-Jamaah.

Di medan ilmu Uşūl al-Fiqh masyhurlah nama-nama mazhab yang empat iaitu Nu‘mān bin Thābit dalam mazhab Ḥanafī. Malik bin Anās bin Mālik dalam mazhab Mālikī, Muhammad bin Idris al-Shafi’i dalam mazhab Shāfi’ī dan Muhammad bin Hanbal dalam mazhab Ḥanbalī.

Dalam arena tasawuf pula muncullah nama-nama “al-Mutaşawwifīn” (ahli tasawuf) yang kebilangan seumpama: Dhul-Nun al-Miṣrī, Abu Yazīd Bisṭami, Junayd

al-Baghādī, Husayn Manṣūr al-Ḥallāj, Shaykh al-Akbar Muḥyī al-Dīn Ibn ‘Arabī, dan Hujjat al-Islam al-Imam al-Ghazali.

Dan dalam falsafah Islam mengenai aakal pula terkenal nama-nama Abu Yusuf Ya‘qub bin Ishaq al-Kindi, Abu Naṣr al-Farābi, Abū Alī Hussain bin Sina, Ibn Rushd dan dua mujaddid al-Islam yang kenamaan di abad ini iaitu Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh.

Baik dalam falsafah Islam mengenai shariat atau aqliah jika terdapat pertikaian faham sesama filsuf dan ulama-ulama Islam, pertikaian itu pada hakikatnya tidak lain adalah merupakan kemajuan umat Islam, di arena fikiran, ijtihād dan kajian mereka mengenai ilmu pengetahuan. Perselisihan itu adalah hikmah dari sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*: “*Ikhtilāf ummātī rahmah*” Ertinya: Perselisihan umatku (mengenai pendapat pada memahami ilmu) adalah rahmat.

Sungguh pun ada di antara orientalis barat yang menuduh bahawa “*al-Falāsafah al-Islamiyyah*” adalah plagiat (di ceduk) dari falsafah Yunani, sebab filsuf-filsuf Islam terutama sejak zaman permulaannya hanya melanjutkan bahawa pendapat yang dihasilkan oleh Scort³, Aristotle dan Plato, sehingga Abu Naṣr al-Farābi mendapat gelaran “*al-Mu‘allim al-Thāni*” sesudah menggantikan Aristotle yang mendapat gelaran “*al-Mu‘allim al-Awwal*” namun walau bagaimana pun tuduhan itu semata-mata liar terbit dari perasaan iri hati dan tanpa penyelidikan yang mendalam.

Sudah tidak asing lagi bahawa filsuf Islam di zaman dahulu memang amat mahir tentang falsafah dan biografi filsuf Yunani, bahkan merekalah orang yang mula-mula sekali mengenalkan falsafah Yunani kepada dunia barat sehingga orang barat sendiri dapat mengenal falsafahnya. Ini diakui sendiri oleh Roger Bacon, filsuf Inggeris (1561-1625).

Filsuf, Islam bukanlah selepas mengkaji falsafah Yunani, diambil mentah-mentah terus dihidupkan ke dalam agama Islam lalu dinamakan “Falsafah Islam” tanpa disaring lagi. Sebenarnya memang tidak dapat dinafikan bahawa di dalam falsafah Islam ada mengandungi pengaruh-pengaruh Yunani. Tetapi sebagai yang dikatakan oleh pengkritik falsafah Islam sendiri bahawa yang dikatakan plagiat dari falsafah Yunani itu tidak lebih hanyalah cara-cara filsuf Yunani itu berfalsafah diambil oleh filsuf Islam dijadikan rangka atau acuan kepada falsafah Islam. Ada pun roh atau inti sari falsafah Islam itu sendiri tetaplah bersumbukan ayat-ayat al-Qur’ān al-Karīm dan al-Ḥadīth al-Nabawī.

Jalan yang ditempuh oleh filsuf Islam berlainan, namun matlamat dan tujuannya tetaplah sama iaitu:

Qul huwa Allāhu Aḥad, Allāhu al-Ṣamad, Lam yalid wa lam yūlad, Walam yakun lahu kufiwān aḥad, Allahu lā ilāha illā huwa al-ḥayyu al-qayyūm: inna ad-dīna ‘inda Allāhi al-Islām, li Allāhi al-mashriqu wa al-maghrib dan ṭyyāka na ‘budu wa ṭyyāka nasta ‘īn, ihdinā al-ṣirāṭa al-mustaqīm, ṣirāṭa al-ladhīna an ‘amta ‘alayhim ghayri al-maghḍūbi ‘alayhim wa lā al-ḍāllīn.

“Katakanlah bahawa Allah itu Esa, Allah tempat meminta pertolongan, tiada beranak tiada diperanakkan, tak ada satu pun yang menyerupainya,

Allah, tak ada Tuhan yang disembah selain daripadanya. Ia hidup lagi menjaga semesta alam;

Sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah hanyalah Islam:

Kepunyaan Allah timur dan barat, dan engkau yang kami sembah dan kepada engkau kami meminta tolong, tunjukkan kami ke jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang telah engkau beri ni‘mat bagi mereka, yang tiada dimurkai dan tidak pula sesat.”

³ Socrates